

Jenis Akhbar : Sinar Harian  
Tarikh : 26/03/2019  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 24  
Tajuk : ANGKASA biak anak lembu tenusu kacukan



Abdul Fattah (empat, kanan) merasmikan program memperkasakan Gerakan Koperasi Angkasa Negeri Pahang Zon 3 di Dewan Pusat Pertanian Pintu Padang Raub.

## Angkasa biak anak lembu tenusu kacukan

SINAR 26/3/2019 MS 24

RAUB - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mengorak langkah menerusi projek perintis pengehuaran anak lembu tenusu kacukan Korea, New Zealand dan Australia bermula tahun lalu.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, projek melibatkan kos RM3.3 juta itu dilihat dapat membantu negara dalam mengurangkan 90 peratus kebergantungan terhadap import susu.

Menurutnya, menerusi projek itu, Korea membekalkan 1,500 benih sperma jantan dikahwinkan secara permanian beradas dengan lembu betina baka Australia dan New Zealand

"Ketika ini, terdapat tiga projek dilaksanakan oleh gerakan koperasi di Mersing Johor, ladang Londah dan Gadung di Negeri Sembilan melibatkan

ternakan sebanyak 600 ekor.

"Tahun ini koperasi bercadang menambah 400 ekor kepada 1,000 ekor baka lembu tenusu yang membabitkan kawasan baharu antaranya di Pahang dan Kedah.

"Projek ternakan ini membabitkan teknologi Korea yang membekalkan sperma atau semen manakala ibu lembu dari Australia dan New Zealand yang bersaiz besar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program memperkasa Gerakan Koperasi Angkasa Negeri Pahang Zon 3 di Dewan Pusat Pertanian Pintu Padang, di sini.

Menurutnya, baka lembu Australia dan New Zealand itu mampu mengeluarkan susu antara 30 hingga 35 liter sehari berbanding lembu tempatan hanya 8 hingga 10 liter sehari.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA